

09/05/2001

Pelan spatial mantapkan pembangunan fizikal negara

Karim Sulaiman

PEMBANGUNAN tidak seimbang dan tidak selaras di antara wilayah, negeri dan daerah memberi kesan dalam usaha Malaysia mencapai matlamat menjadi negara maju menjelang 2020.

Pembangunan fizikal tidak seimbang dan diselaraskan di antara wilayah, negeri dan daerah juga mewujudkan masalah, seperti banjir kilat besar yang melanda Kuala Lumpur baru-baru ini.

Begitu juga dengan masalah alam sekitar dan percanggahan kegunaan tanah yang turut disebabkan oleh ketiadaan penyelarasan dan keseimbangan dalam pembangunan.

Masalah itu timbul kerana pada masa ini belum ada pelan perancangan fizikal bagi menyelaraskan pembangunan mengikut wilayah, negeri dan daerah secara menyeluruh pada peringkat kebangsaan.

Pada masa ini, sistem perancangan negara mempunyai perancangan sosioekonomi, iaitu Rancangan Malaysia Lima Tahun. Bagaimanapun, negara masih belum mempunyai pelan spatial pada peringkat nasional.

Ini bermakna ada kekurangan pada peringkat perancangan negara yang dasar, strategi serta program sosioekonomi negara tidak diterjemahkan ke dalam bentuk spatial (ruang atau kawasan).

Keadaan itu menyebabkan pengagihan sumber atau penentuan lokasi pembangunan tidak dapat dibuat secara optimum ke arah pencapaian dasar pembangunan nasional dan pembangunan mapan.

Sehubungan itu, wujud keperluan untuk satu pelan perancangan fizikal menyeluruh, yang boleh dijadikan panduan bagi menentukan corak pembangunan negara mengikut kawasan dalam tempoh tertentu.

Pelan perancangan fizikal itu dinamakan Pelan Spatial Negara (PSN) yang disediakan oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia. Pelan itu mula disediakan Ogos tahun lalu dan dijangka siap pada Ogos 2002.

Pada peringkat pertama, pelan itu disediakan untuk Semenanjung dan peringkat kedua pula membabitkan Sabah dan Sarawak.

Kawasan kajian meliputi seluruh Semenanjung, iaitu Wilayah Utara (Perak, Kedah, Pulau Pinang dan Perlis), Wilayah Tengah (Selangor, Negeri Sembilan dan Melaka), Wilayah Selatan (Johor) dan Wilayah Timur (Kelantan, Terengganu dan Pahang).

Tempoh PSN adalah sehingga 2020 dan akan dikaji semula setiap lima tahun.

Penyediaan PSN berkait rapat dengan pembentukan Majlis Perancangan Fizikal Negara. Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Seri Ong Ka Ting, sebelum ini, berkata Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 akan dipinda, termasuk bagi membentuk Majlis Perancangan Fizikal.

Majlis itu yang akan dipengerusikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, akan mengawasi dan memantau pelaksanaan PSN. Ahli lain majlis itu ialah Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, (timbalan pengerusi), Menteri Besar dan Ketua Menteri.

Ketua Pengarah Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (JPBD) Semenanjung Malaysia, Datuk Wan Mohamad Mukhtar Mohd Noor, berkata PSN adalah pelan perancangan fizikal yang memberi panduan mengenai arah dan corak pembangunan, kegunaan dan pemuliharaan tanah negara yang strategik pada masa depan.

Katanya, PSN menetapkan dasar tertentu untuk menjamin penggunaan ruang fizikal yang optimum pada peringkat negara berdasarkan matlamat ekonomi,

sosial dan fizikal.

Beliau berkata, penggunaan ruang fizikal yang optimum itu akan membawa kepada keseimbangan wilayah, terutama dari segi pengagihan kegiatan ekonomi.

"Keperluan pelan itu juga selaras dengan matlamat untuk mencapai pembangunan seimbang bagi mewujudkan masyarakat bersatu padu dan menjadikan Malaysia negara perindustrian menjelang 2020.

"Pelan itu penting bagi menyokong dan menterjemahkan Dasar Pembangunan Nasional (DPN) dalam konteks spatial," katanya dalam pertemuan dengan Berita Harian, baru-baru ini.

Wan Mohamad Mukhtar berkata, PSN juga penting bagi memantapkan sistem perancangan negara sekarang supaya lebih teratur dan berkesan.

Katanya, dengan adanya PSN yang disediakan secara bersepadu dengan Rancangan Malaysia Lima Tahun, perancangan pada peringkat makro akan menjadi lebih lengkap.

Beliau berkata, pelan itu juga penting bagi menjadi asas kepada penyediaan rancangan pemajuan mengikut Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976.

Katanya, dengan adanya PSN akan menyepadukan pihak berkuasa pada peringkat nasional, negeri dan tempatan terhadap perancangan dan pembangunan negara, terutama perkara berkaitan kepentingan bersama.

Katanya, pelan itu juga diperlukan untuk menjadi garis panduan kepada perancangan dan pelaksana dengan memberi maklumat mengenai dasar spatial guna tanah negara secara keseluruhan.

"Dengan adanya PSN, dasar dan strategi berkaitan pembangunan negara dapat diterjemahkan ke dalam bentuk spatial.

"Ini dapat menjamin supaya sumber negara digunakan sepenuhnya ke arah pembangunan mapan dan menyelesaikan masalah ketidakseimbangan pembangunan yang wujud di antara wilayah atau negeri," katanya.

Secara khususnya, PSN bermatlamat mewujudkan satu rangka strategi guna tanah negara yang bersepadu sebagai penyumbang ke arah mencapai negara maju menjelang 2020.

Bagi mencapai matlamat itu, JPBD menggariskan beberapa objektif kajian, termasuk meningkatkan keberkesanan pelaksanaan perancangan pembangunan nasional serta menggalak pembangunan wilayah seimbang selain memastikan sumber tanah dan potensinya diguna dan diurus dengan berkesan.

Kajian juga membabitkan penyediaan asas kerja untuk penyediaan Rancangan Struktur Negeri dan Rancangan Tempatan serta memastikan mekanisme pelaksanaan dan pemantauan PSN yang berkesan.

Wan Mohamad Mukhtar berkata, PSN berfungsi penting bagi menyepadu dan mewujudkan hubungan di antara pihak berkuasa pada peringkat nasional, negeri dan tempatan terhadap perancangan dan pembangunan negara.

"Oleh itu, dalam penyediaan PSN, JPBD akan menggunakan pendekatan Sistem Perancangan dan Pengurusan Sumber Bersepadu.

"Sistem itu menekankan penyepaduan menegak dan mendatar di antara peringkat perancangan makro dan mikro serta sektoral.

"Ini kerana setiap peringkat perancangan dan pembangunan mempunyai matlamat masing-masing, tetapi saling berkait di antara satu sama lain," katanya.

Dalam hubungan ini, segala dasar dan strategi pembangunan negeri akan diambil kira dan disepadukan dalam pembangunan Dasar Perancangan Spatial Negara.

Bagi memastikan pelan itu menyeluruh, kajian terhadap penyediaan PSN mengambil kira tujuh sektor teras, iaitu kependudukan, perumahan dan kemudahan awam; infrastruktur dan utiliti; alam sekitar dan sumber semula jadi; rangka global dan ekonomi makro; perancangan fizikal dan perbandaran; institusi dan pelaksanaan serta sistem maklumat PSN.

Wan Mohamad Mukhtar berkata, PSN turut mengambil kira pandangan pelbagai pihak sama ada orang perseorangan, swasta dan awam bagi memastikan pembangunan menyeluruh dan membabitkan penyertaan orang ramai.

Bagi tujuan itu, beberapa peringkat jawatankuasa dicadang ditubuhkan untuk membolehkan kerajaan negeri, jabatan dan agensi kerajaan negeri terbabit dalam proses penyiapan PSN.

Untuk itu, semua Setiausaha Kerajaan Negeri akan dilantik sebagai ahli dalam jawatankuasa penyelarasan perancangan spatial yang akan dipengerusikan Ketua Setiausaha Negara atau Ketua Pengarah Unit Perancangan Ekonomi.

Jawatankuasa ini bertanggungjawab memberi kelulusan dasar dan strategi pembangunan spatial dan memperakukan untuk diangkat ke Majlis Perancangan Fizikal Negara yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri.

Wakil Unit Perancangan Ekonomi Negeri dan JPBD Negeri pula akan menjadi ahli Jawatankuasa Kerja Induk dan terbabit secara langsung untuk memberi nasihat mengenai dasar negeri dan perkara teknikal serta menyelaraskan maklumat teknikal yang digunakan dalam penyediaan PSN.

Bagi menentukan keberkesanan fungsi pembabitan kerajaan negeri dalam penyediaan PSN, satu jawatankuasa Perancangan Spatial Negeri ditubuhkan dan dipengerusikan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri dan diurusetikan oleh JPBD Negeri. Jawatankuasa ini antara lain memastikan laporan teknikal mengambil kira dasar pembangunan negeri.

Wan Mohamad Mukhtar berkata, PSN akan melihat setiap pembangunan secara bersepadu dan menyeluruh supaya dapat diselaraskan di antara satu sama lain.

Katanya, dengan adanya PSN, tidak timbul masalah percanggahan kegunaan tanah dan kepentingan guna tanah, yang kerap membawa kesan buruk kepada pembangunan.

"Kita berharap PSN, apabila dilaksanakan nanti, akan dipatuhi oleh semua kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan bagi memastikan setiap perancangan fizikal dapat dilaksanakan untuk mencapai matlamat Wawasan 2020.

"Perancangan fizikal menyeluruh, bersepadu dan diselaraskan di antara satu sama lain penting bagi mencapai matlamat pembangunan berkesan dan teratur, seterusnya menterjemahkan Dasar Pembangunan Nasional dalam konteks spatial," katanya.

(END)